

Ringgit ditutup tinggi sedikit berbanding dolar AS berikutan minat belian yang sederhana, kata peniaga.

Pada jam 6 petang, mata wang tempatan itu diniagakan pada 4.4300/4340 berbanding dolar AS daripada 4.4330/4380 pada Selasa.

Sebelum itu, ringgit dibuka lebih rendah kepada 4.4340/4400 daripada 4.4330/4380 kelmarin.

Peniaga berkata, prestasi ringgit itu seiring dengan beberapa mata wang serantau seperti rupiah Indonesia yang meningkat 0.5 peratus kepada 13,310 bagi setiap dolar AS, terkukuh sejak 15 November.

“Ringgit dan mata wang lain dalam corak meningkat menjelang mesyuarat dasar Bank Pusat Eropah yang dijadualkan minggu ini, yang akan membinasakan program belian aset,” katanya.

Berbanding mata wang utama lain, ringgit ditutup keseluruhannya lebih tinggi, kecuali yen yang merosot kepada 3.8866/8929 daripada 3.8835/8889 kelmarin.

Unit tempatan itu menambah berbanding dolar Singapura kepada 3.1210/1250 daripada 3.1229/1273 dan naik berbanding pound Britain kepada 5.5778/5833 daripada 5.6486/6589.

Berbanding euro, ia diniagakan lebih tinggi kepada 4.7485/7537 daripada 4.7726/7788 sebelumnya.

BERNAMA